

# Minyak Mengandungi Alkohol

Sesetengah bahan api konvensional telah dicampurkan dengan alkohol dan boleh didapati di sesetengah tempat untuk membantu pembersihan udara. Jikalau anda ingin menggunakan bahan api beralkohol, periksa sama ada ia tiada plumbum dan memenuhi syarat minimum penilaian oktana.

Jenis campuran bahan api seperti berikut boleh digunakan untuk skuter anda:

- Jumlah etanol (etil alkohol) mencapai 10%.
  - ▶ Petrol yang mengandungi etanol mungkin dijual atas nama Gasohol.

Penggunaan minyak petrol yang mengandungi jumlah etanol lebih daripada 10% mungkin:

- Merosakkan cat pada tangki bahan api.
- Merosakkan tiub getah aliran bahan api.
- Menyebabkan hakisan tangki bahan api.
- Mengakibatkan keadaan menunggang yang kurang memuaskan.

### NOTIS

Penggunaan bahan api yang dicampurkan dengan alkohol melebihi peratusan yang dibenarkan boleh merosakkan logam, getah dan plastik pada sistem bahan api anda.

Jikalau anda mendapati ada tanda-tanda operasi yang kurang memuaskan atau masalah prestasi skuter, sila cuba jenama petrol lain.